

PENGUASAAN PARTIKEL “AL” BAHASA ARAB
DALAM KALANGAN PELAJAR MELAYU

AHMAD RUSHDI BIN HAJI HAROON

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2010

PENGUASAAN PARTIKEL “AL” BAHASA ARAB
DALAM KALANGAN PELAJAR MELAYU

AHMAD RUSHDI BIN HAJI HAROON

DISERTASI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA PENGAJIAN BAHASA MODEN

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

2010

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : **AHMAD RUSHDI BIN HAJI HAROON (NO. K.P/Pasport: 750823075189)**

No. Pendaftaran / Matrik : **TGA 050025**

Nama Ijazah : **SARJANA PENGAJIAN BAHASA MODEN**

Tajuk Kertas Disertasi (“Hasil Kerja Ini”):

PENGUASAAN PARTIKEL “AL” BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR MELAYU.

Bidang Penyelidikan: **LINGUISTIK TERAPAN**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabunya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM

Tandatangan Calon

Tarikh : 21/4/2010

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Nama: **DR. HAJI MOHAMMAD B SEMAN**
Jawatan : Penyelia

Tarikh : 21/4/2010

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk memperlihatkan penguasaan partikel “al” dalam bahasa Arab oleh pelajar Melayu. Dalam kajian ini penulis telah memberikan definisi partikel dan menghuraikan jenis-jenis dan fungsi-fungsinya. Terdapat pelbagai jenis partikel dalam bahasa Arab, tetapi fokus kajian hanya menumpukan kepada bahagian partikel “al” yang aspek utama semantiknya adalah seperti partikel penentu, partikel penyambung dan partikel penambah. Kajian ini selanjutnya menghuraikan makna fungsi partikel-partikel tersebut dan contoh-contoh penggunaannya dalam ayat.

Metode kajian ini adalah bersifat diskriptif tinjauan melalui pendekatan kajian kes. Kajian diskriptif bermatlamatkan tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik, pemerhatian di samping kajian perpustakaan dan dokumentasi untuk mengumpul data. Kajian ini cuba mengaplikasikan fungsi partikel “al” dalam bahasa Arab ke atas pelajar STPM Sek Men Keb Agama Sultan Azlan Shah bagi melihat kemampuan mereka mengenal pasti fungsi partikel “al” dalam bahasa Arab. Di samping itu penulis juga akan menggunakan kaedah kontrastif antara bahasa Melayu dan bahasa Arab untuk memperlihatkan pengaruh bahasa ibunda terhadap penguasaan pelajar terhadap partikel “al”

Analisis data menunjukkan bahawa kebanyakan responden tidak menguasai penggunaan partikel “al” dalam bahasa Arab dengan sempurna. Keputusan ujian bertulis menunjukkan tahap penguasaan pelajar yang lemah. Akhirnya, kajian ini cuba merumuskan hasil dapatannya dan mengemukakan beberapa cadangan yang berkaitan, terutamanya kepada mereka yang berautoriti dan berkepentingan.

ABSTRACT

This research is aimed to see the accuracy of “al” particle among the Malay students. In this research, the writer gave the definition of what the particle is, and explained in detail the types and its functions. There are many types of particles in the Arabic language but this research only focuses on the “al” particle and its main semantic aspect such as the determinant particle, the connection particle and the additional particle. This research further explains the function of each particle and provides examples of its usage in sentences.

This research uses a descriptive-observation method throughout the case study. Descriptive method’s uses the inquiry instrument, library research and documentation to collect the data. This research will try to apply the function of “al” particle in Arabic on the STPM’s level students of Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sultan Azlan Shah (SMKASAS) to see their ability in order to help them to identify the function of the “al” particle. In addition to this, the writer also uses the contrast method between the Malay and Arabic to see the influence of the mother tongue on the students’ accuracy of the “al” particle. The data analysis shows that most respondents do not fully master the usage of “al” particle in Arabic. The results of written test also reveal the lower level of mastery for the weaker students.

According to the research summary, they are few proposals of improvement is mentioned specially for those who are responsible in the implementation of learning grammar and this research also concludes through its findings and provides a few relevant suggestions.

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur dipersembahkan ke hadrat Allah s.w.t. di atas segala nikmat yang dilimpahi. Selawat dan salam buat junjungan besar nabi Muhammad saw, rasul pembawa rahmat seluruh alam.

Terlebih dahulu, pengkaji melahirkan rasa sukacita di atas kejayaan menyiapkan disertasi ini. Mungkin terdapat kekurangan dan kelemahan tertentu yang terlepas pandang tidak dapat dikesan oleh pengkaji. Namun begitu, pengkaji telah berusaha sedaya upaya menyiapkannya walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran khususnya cabaran di medan kerjaya. Pengkaji juga berhadapan dengan cabaran semasa dari keluarga yang perlu diberi perhatian setiap masa termasuk menjaga anak-anak yang masih kecil bagi meringankan beban isteri. Kewangan juga menjadi faktor yang perlu dipertimbangkan setiap masa dalam mengagih untuk keperluan keluarga dan berbelanja untuk keperluan pengajian. Alhamdulillah, cabaran tersebut berjaya dilepasi walaupun terpaksa mengharungi tempoh yang agak lama bagi menyiapkan disertasi ini.

Justeru itu, pengkaji ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih serta penghargaan yang tidak terhingga kepada Ustaz Dr Mohamad Seman selaku penyelia dan juga selaku ketua jabatan yang telah memberi tunjuk ajar serta dorongan sehingga selesai penyediaan disertasi ini. Beliau seorang yang sangat 'mesra pelanggan' kerana sudi menerima pengkaji setiap kali membuat temu janji. Juga sentiasa mesra dan tidak jemu memberi nasihat serta dorongan kepada pengkaji setiap kali berurusan dengan beliau. Tidak lupa juga kepada semua warga pensyarah Jabatan Bahasa Arab

yang telah memberi kerjasama yang baik. Kepada semua insan ini, pengkaji mengucapkan sekalung penghargaan dan tahniah di atas perkhidmatan yang diberikan.

Pengkaji juga tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak yang telah memberi sokongan dan kerjasama dalam menjayakan kajian ini. Pihak-pihak tersebut ialah Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Perak dan Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sultan Azlan. Terutamanya para pelajar yang telah memberikan sepenuh kerjasamana, tanpa mereka tiadalah data, tanpa data tiadalah hasilnya. Pengkaji mengharapkan kerjasama ini dapat diteruskan dari semasa ke semasa dan pengkaji ingin melihat hasil kajian ini akan memberi manfaat yang besar kepada pihak dan kumpulan tersebut suatu hari nanti.

Seterusnya diucapkan terima kasih kepada kakitangan-kakitangan di pejabat Ijazah Tinggi Fakulti Bahasa dan Linguistik kerana memudahkan urusan pengkaji sepanjang berurusan di situ. Tidak lupa juga kepada Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik secara khususnya dan pihak Pengurusan Universiti Malaya secara amnya yang telah memberi perkhidmatan dan kemudahan sepanjang pengkaji menjadi pelajar di universiti tersebut.

Kepada semuanya, pengkaji mendoakan moga Allah swt memberi ganjaran yang setimpal mengikut kadar pertolongan dan perkhidmatan yang diberikan. Dialah sahaja yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Wa ila Allah turja' al-umur.

AHMAD RUSHDI B HAJI HAROON

Seri Iskandar, Perak.

Teristimewa buat :

Ayahanda Tuan Haji Haroon bin Haji Shafiee

Yang sentiasa memberi input berharga

Hingga tercetusnya idea membuat kajian ini.

Didoakan ayahanda senantiasa dalam pemuliharaan dan rahmat Allah moga .

Kepada bonda Hajah Ramlah bt Haji Saleh yang dikasihi.

Anakanda harapkan bonda terhibur

Setiap kali anakanda pulang menziarahi

Di saat kesibukan bekerja mencari rezeki

dan menjalankan kajian ini.

Isteri yang banyak berkorban untuk keluarga yang dikasihi

Saudari Zakiyah yang memahami dan memberi motivasi

Tabah, sabar dan menyayangi.

Buat anakanda Anif Wajdee yang rajin membantu ummi

Aufa Rujha , Ahla Qistina yang sentiasa memahami

Ain Salsabiila dan Asna Ashshifa yang menyenangkan hati

Moga kalian dirahmati

Kejayaan sedia menanti.

Allah ditaati, Rasul diikuti

Moga selamat kalian di sana nanti.

Tidak dilupakan juga Semua Kekanda-kekanda dan adinda-adinda

Dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung,

Terima kasih atas segalanya.